

22 NOV 2001

Agong-Pengiringan

JENAZAH SERI PADUKA MULAKAN PERJALANAN KE KLANG

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Jenazah Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah diusung dengan penuh istiadat menggunakan pedati dari Istana Negara ke hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja dalam perjalanan ke Istana Alam Shah di Klang.

Sebaik tiba di Dataran Merdeka, jenazah Seri Paduka dipindahkan ke kereta jenazah yang sedia menanti untuk menyambung perjalanan ke Klang.

Istiadat mengiringi jenazah itu dimulakan sebaik sahaja istiadat penghormatan terakhir untuk almarhum oleh orang kenamaan dan orang ramai di Istana Negara tamat pukul 11.45 pagi.

Pedati berbalut kain kuning yang ditarik oleh anggota-anggota tentera darat, laut dan udara serta polis itu meninggalkan perkarangan istana pada kira-kira pukul 12 tengah hari.

Ia diiringi oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan anggota kerabat diraja.

Yang turut mengiringi jenazah ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Kabinet dan para pegawai kerajaan.

Cuaca mendung pada awal pagi bertukar menjadi panas tetapi ini tidak menghalang ribuan rakyat yang menunaikan ibadat puasa daripada mengiringi jenazah almarhum atau berbaris di tepi jalan untuk menyaksikan upacara itu.

Antara bangunan terkenal di ibu kota yang dilalui pedati itu ialah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Stesen Keretapi Kuala Lumpur, Masjid Negara dan bangunan Dayabumi.

Upacara mengiringi jenazah menggunakan pedati itu dari Istana Negara ke Dataran Merdeka meliputi jarak 2.7 kilometer, mengambil masa hampir sejam.

Ketika jenazah almarhum hendak dipindahkan dari pedati itu ke kenderaan jenazah, loceng jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad berdenting sekali menandakan tepat waktu 1 tengah hari dan sebaik sahaja kenderaan itu bergerak, azan Zuhur berkumandang dari Masjid Negara.

Bangunan bercirikan rekabentuk "Moorish" yang dibuka pada 1896 itu pernah menjadi Sekretariat Kerajaan Negeri Selangor dan menempatkan beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan.

Kebetulan pula, bangunan itu dinamakan sempena moyang almarhum Seri Paduka yang menjadi Sultan Selangor keempat yang memerintah dari 1859-1898.

Jenazah Seri Paduka akan dikebumikan di Makam Diraja Klang petang ini.

-- BERNAMA

TM MAM AHH PR